

18/05/2001

Hubungan kemajuan, keinsanan, ketuhanan

Khairul Anwar Rahmat

"APA guna kerajaan keluarkan kereta nasional? Buat apa bina Jambatan Pulau Pinang, bangunan pencakar langit dan lebuh raya? Ini semua tidak wujud pada zaman Nabi Muhammad saw dan hukumnya bidaah.

"Buat menghabiskan duit rakyat saja. Ini semua membuktikan kerajaan Barisan Nasional asyik mementingkan keduniaan. Ini menunjukkan kerajaan kita memang sekular," kata seorang penceramah bebas di sebuah masjid di ibu kota.

Katanya, pada zaman Nabi, masjid hanya dibina bertiangkan pohon tamar, berlapik bumi dan berbumbungkan langit. Justeru, pembinaan masjid yang besar dan indah di seluruh negara berlawanan dengan sunnah dan umat Islam harus menolak kerajaan yang tidak mengamalkan sunnah Islam.

Suka atau tidak, inilah gambaran segelintir umat Islam yang masih dibelenggu pemikiran jumud. Kedangkalan ilmu dan kedaifan minda membuatkan pemikiran mereka tertutup sehingga tidak mampu melihat kebenaran dan keperluan semasa.

Hakikatnya, Islam ialah agama paling ideal dalam membicarakan soal pembangunan dalam konteks yang holistik. Islam memberi penekanan soal pembangunan seimbang yang merangkumi aspek kebendaan dan kerohanian.

Dalam hubungan ini, pembangunan bersifat material harus memenuhi dua ciri, iaitu selari dengan tuntutan agama dan tidak melanggar batasan syarak dari segi maksud dan matlamatnya.

Kedua, pembangunan yang dimaksudkan itu harus memberi manfaat kepada manusia, sama ada dalam konteks mempermudah urusan ataupun meningkatkan mutu hidup mereka.

Apabila ciri itu dipenuhi, dengan sendirinya pembangunan bersifat fizikal dan material diiktiraf sebagai sesuai dan selari dengan tuntutan syariat.

Selain pembangunan berlandaskan hukum syarak, pembangunan seimbang juga menjadikan manusia lebih peka dalam memahami dan menghayati urusan berkaitan hubungan antara kemajuan, keinsanan dan ketuhanan.

Sudah pasti, kegemilangan tamadun Islam yang pernah dirakam dalam lipatan sejarah dapat dikembalikan jika kedua-dua aspek pembangunan ini dapat dilakukan dengan sempurna.

Namun, ada segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa hanya pembangunan yang bersifat kerohanian yang mempunyai nilai agama, manakala yang bersifat fizikal sering dipandang sebagai keduniaan semata-mata.

Oleh itu, usaha Kerajaan Johor dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) mengambil langkah proaktif menganjurkan Seminar Pembangunan Ummah untuk membicarakan topik pembangunan yang dianjurkan Islam selama tiga hari mulai hari ini, amat bertepatan dalam memenuhi keperluan kebendaan dan kerohanian umat Islam.

Sebanyak 17 kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh masyarakat daripada pelbagai bidang dan latar belakang, antaranya Ketua Penerangan dan Penyelidikan Negeri Johor, Dr Khairul Azmi Mohamad, Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim, Timbalan Dekan Fakulti Sains Fizik dan Gunaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Yusof Othman, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr Abdul Latiff Ahmad, Mufti Johor, Datuk Noh Gadut dan Fellow Kehormat Ikim, Uthman El-Muhammady.

Ketokohan dan pengalaman pembentang kertas kerja dalam seminar kali ini dijangka mampu mengungkapkan erti kata sebenar pembangunan mengikut perspektif Islam.

Umat Islam perlu disedarkan bahawa pembangunan yang diperintahkan Allah adalah menyeluruh dan meliputi segenap bidang, termasuk ekonomi, politik, budaya dan pentadbiran.

Selain itu, konsep pembangunan ummah dalam Islam membenarkan pembangunan bentuk fizikal dan harus dipertahan selagi ia mematuhi batas dan sempadan hukum yang termaktub dalam al-Quran dan sunnah.

Justeru, pembangunan prasarana yang giat dilakukan kerajaan ialah semata-mata untuk memenuhi keperluan umum yang meliputi pengangkutan, komunikasi, ekonomi dan sosial.

Prof Dr Mohd Yusof Othman dari UKM dijangka membentangkan kertas kerja bertajuk Pembangunan Sains dan Teknologi Dari Perspektif Islam yang mengupas kepentingan umat Islam menguasai sains dan teknologi untuk kepentingan dan kemajuan ummah.

Beliau menggariskan perbezaan pendekatan yang diambil saintis Barat dan saintis Islam. Katanya, saintis Barat tidak mengambil kira persoalan nilai dalam pembangunan dan kemajuan dan sikap ini harus dihindarkan oleh saintis Islam.

Sebaliknya, katanya, pembangunan dalam Islam harus dilihat dalam perspektif yang lebih luas, iaitu menjadikan keredaan Allah sebagai matlamat utama.

Selain itu, katanya, ilmu sains dan teknologi mesti dikuasai dengan baik oleh umat Islam dan usaha pembangunannya mesti diteruskan demi pembangunan diri, keluarga, agama, masyarakat dan negara.

Kertas kerja yang disediakan Pengarah Pusat Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab Johor, Prof Madya Selamat Hashim, juga menarik untuk diteliti.

Kertas kerja bertajuk Pembangunan Sosial dan Keluarga Dari Perspektif Islam itu membicarakan kepentingan memelihara dua komponen utama masyarakat dalam usaha mengukuhkan pembangunan ummah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dan tamadun umat Islam ditentukan oleh kualiti dan keperibadian individu yang unggul. Seterusnya, individu berkenaan akan berjaya membentuk sebuah keluarga yang harmoni dan sentiasa memelihara tuntutan syariat.

Kesannya, sebuah masyarakat yang terdiri daripada institusi keluarga yang mantap akan membentuk satu sistem sosial yang menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan umat Islam seluruhnya.

Dalam kertas kerjanya, Prof Madya Selamat Hashim menggariskan tanggungjawab manusia sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi Allah. Islam tidak menghalang proses pembangunan yang ingin dilakukan manusia. Namun, kegagalan memahami tuntutan sebenar pembangunan menjadikan manusia bersikap kebendaan.

Lebih menyedihkan, ada di kalangan manusia yang terlalu rakus mengejar keduniaan tidak menyedari mereka telah menjadi hamba dalam mengejar kemewahan duniawi.

Katanya, umat Islam di Malaysia juga harus menyedari bahawa pembinaan sebuah masyarakat yang ideal dan diredai Allah tidak semudah membina bangunan. Ini kerana pembinaan masyarakat membabitkan individu iaitu manusia yang memiliki akal yang berbeza antara satu sama lain.

Selain itu, akal manusia yang unik mampu berubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Ringkasnya, falsafah pembangunan dalam Islam harus berasaskan prinsip tauhid dan tanggungjawab khalifah.

Kefahaman yang jelas mengenai perkara ini dapat dicapai jika manusia memahami sebab kewujudan manusia itu sendiri, iaitu untuk melaksanakan dwifungsi yang suci, iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah.

Seminar itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan membuka dimensi baru dalam perbincangan umat mengenai konsep pembangunan sejati.

(END)

